

**KHUTBAH KHAS SEMPENA
GERHANA BULAN PENUH
31 JANUARI 2018 M / 15 JAMADIL AWAL 1439H**

DISUSUN DAN DITERBITKAN OLEH :

JABATAN MUFTI NEGERI PERAK.

**Khutbah Gerhana Bulan Penuh
31 Januari 2018 M / 15 Jamadil Awal 1439H**

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ،

إِنَّ فِي خَلْقِ السَّمُوتِ وَالْأَرْضِ وَاخْتِلَافِ اللَّيْلِ وَالنَّهَارِ وَالْفُلْكِ الَّتِي
تَجْرِي فِي الْبَحْرِ بِمَا يَنْفَعُ النَّاسَ وَمَا أَنْزَلَ اللَّهُ مِنَ السَّمَاءِ مِنْ مَّاءٍ
فَأَخْيَا بِهِ الْأَرْضَ بَعْدَ مَوْتِهَا وَبَثَّ فِيهَا مِنْ كُلِّ دَابَّةٍ وَتَصْرِيفِ الرِّيَّاحِ
وَالسَّحَابِ الْمُسَخَّرِ بَيْنَ السَّمَاءِ وَالْأَرْضِ لآيَاتٍ لِقَوْمٍ يَعْقِلُونَ

(Surah al-Baqarah ayat ke 164)

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ سَيِّدَنَا مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ
وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ،
أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ
مُسْلِمُونَ

Sidang Jemaah Sekalian,

Pada malam ini , kita di Perak dan seluruh rantau kawasan Asia akan melihat satu lagi petunjuk kebesaran Allah SWT iaitu peristiwa Gerhana Bulan Penuh. Bagi negeri Perak kita akan dapat melihat peristiwa gerhana bulan ini ketika Bulan baru terbit di ufuk Timur. Ia dijangka akan berlaku bermula jam 7.48 malam hinggalah jam 11.11 malam ini.

Kemuncak gerhana akan berlaku pada jam 9.27 malam, dan ketika itu kita akan melihat warna Bulan akan bertukar menjadi hitam kemerahan.

Selari dengan saranan Nabi SAW ketika kita melihat gerhana, maka kita disunatkan untuk melakukan Solat Sunat Gerhana diiringi dengan khutbah. Kita juga disarankan untuk membanyak tasbih, tahmid, takbir dan istighfar sepanjang berlakunya gerhana. Semua ibadah ini dilakukan agar kita sedar bahawa kita hanyalah hamba kepada Allah SWT, yang dihidupkan sementara di muka bumi ini untuk kehidupan yang kekal di akhirat nanti.

Di dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam Muslim dari Jabir Bin Abdillah menceritakan bagaimana ketika beliau bersama-sama Nabi SAW dan juga para sahabat yang lain melaksanakan solat gerhana Matahari, maka ketika itulah Nabi SAW telah diperlihatkan syurga dan neraka. Hal ini menunjukkan kepada kita bagaimana ketika berlakunya gerhana kita sepatutnya mengingati tentang syurga dan neraka.

Sidang Jemaah sekalian,

Kita telah sering diingatkan bahawa segala apa yang berlaku dalam alam ini semuanya itu adalah ketentuan Allah SWT. Di dalam ketentuan Allah SWT itu pula, ada yang dinamakan ayat-ayat Allah SWT. Di dalam surah al-Baqarah ayat ke 164, Allah SWT berfirman yang bermaksud :

“ Sesungguhnya pada kejadian langit dan bumi; dan (pada) pertukaran malam dan siang; dan (pada) kapal-kapal yang belayar di laut dengan membawa benda-benda yang bermanfaat kepada manusia; demikian juga (pada) air hujan yang Allah turunkan dari langit lalu Allah hidupkan dengannya tumbuh-tumbuhan di bumi sesudah matinya, serta ia biakkan padanya dari berbagai-bagai jenis binatang; demikian juga (pada) peredaran angin dan awan yang tunduk (kepada Kuasa Allah) terapung-apung di antara langit dengan bumi; Sesungguhnya (pada semuanya itu) ada tanda-tanda (yang membuktikan keesaan Allah kekuasaanNya, kebijaksanaanNya, dan keluasan rahmatNya) bagi kaum yang (mahu) menggunakan akal fikiran.”

Imam al-Razi di dalam tafsirnya menghuraikan bahawa Allah SWT telah menyebutkan bahawa dalam penciptaan alam ini semuanya itu adalah tanda keesaan Allah SWT. Antara yang disebutkan di dalam ayat di atas ialah mengenai penciptaan langit dan bumi, pertukaran malam dan siang, kapal yang berada di lautan, hujan yang diturunkan, tumbuhan, binatang, tiupan angin dan awan. Namun semua kebesaran Allah SWT ini hanya boleh dihargai oleh manusia yang menggunakan akal bagi berfikir.

Gerhana Matahari dan Bulan juga adalah salah satu dari pentunjuk kebesaran Allah SWT. Ini berdasarkan hadis Nabi SAW yang diriwayatkan oleh oleh Aisyah r.ha :

إِنَّ الشَّمْسَ وَالْقَمَرَ آيَاتَانِ مِنْ آيَاتِ اللَّهِ ، لَا يَخْسِفَانِ لِمَوْتِ
أَحَدٍ وَلَا لِحَيَاتِهِ ، فَإِذَا رَأَيْتُمُوهَا فَافْزَعُوا لِلصَّلَاةِ

Terjemahan: “ Bahawasanya Matahari dan Bulan itu dua tanda daripada tanda- tanda yang menunjukkan Keesaan dan Kekuasaan Allah taala. Tiada gerhana keduanya kerana mati seseorang atau hidupnya, maka apabila kamu lihat akan demikian itu, maka hendaklah kamu bersegera untuk bersolat.”

(Imam Muslim)

Dalam kajian ilmu falak, gerhana bulan berlaku apabila cahaya Matahari yang sepatutnya jatuh ke atas Bulan dihalang oleh Bumi. Ia berlaku ketika Bulan berada dalam fasa bulan penuh. Namun terdapat beberapa perkara disebalik peristiwa gerhana yang menjadi tanda kebesaran Allah SWT, yang hanya dapat difahami jika kita membuat pemerhatian yang teliti. Di sini khatib akan kongsikan 3 perkara iaitu :

1. Matahari, Bumi dan Bulan adalah ‘watak’ utama dalam peristiwa gerhana. Jika kita lihat inilah juga ‘watak’ utama yang telah mempengaruhi kehidupan kita selama ini sejak sejarah manusia itu

telah bermula. Matahari telah membekal cahaya kepada bumi pada siang hari hingga memudahkan kehidupan kita. Bumi pula menyerap cahaya ini dan mengeluarkannya sebagai haba agar kita tidak akan kesejukan. Bulan pula akan memastikan semua hidupan di bumi mendapat air yang cukup dengan pengaruhnya terhadap air pasang surut. Ketika gerhana, seolah-olah Allah SWT mengingatkan kita terhadap limpah rahmat Allah SWT yang telah diberikan kepada kita. Satu nikmat yang tidak ternilai dengan wang ringgit. Semua ini adalah rahmat dan kasih sayang Allah SWT pada kita di Bumi, agar kita selalu menjadi hamba Allah SWT yang selalu bersyukur.

2. ‘Tepat dan teratur’. Itulah yang dapat dikatakan mengenai gerhana. Ini kerana ketika berlaku gerhana, ia menandakan Matahari, Bumi dan Bulan berjalan di atas orbitnya dalam masa dan kelajuan yang telah ditetapkan. Gerhana Bulan pada malam ini sebenarnya adalah ulangan dari Gerhana Bulan yang telah berlaku pada 21 Januari 2000 M. Ia dijangka akan berulang lagi pada 11 Februari 2036 M. Dalam hisab falak satu gerhana akan berulang kembali setelah 6,585.3 hari yang bersamaan 18 tahun 11 hari 8 jam. Secara logiknya, ini menunjukkan Matahari, Bumi dan Bulan bergerak dalam satu sistem yang telah ditetapkan. Disinilah bukti bagaimana keagungan dan kebijaksanaan Allah SWT dalam mengatur dan menjalankan ketiga-tiga objek iaitu Matahari, Bumi dan Bulan. Ia berjalan di atas orbitnya sejak sekian lama dan tidak pernah lari dari orbitnya. Demikianlah taatnya objek-objek ini menurut segala ketentuan Allah SWT. Namun, ingatlah akan datang saatnya nanti semuanya ini akan hancur dan berkecai. Ketika ini atas perintah Allah SWT, Matahari, Bumi dan Bulan tidak lagi akan berada di garis edarnya. Ketika inilah saat dan ketika yang disebut kiamat itu pasti akan datang

3. Ketika mana Allah SWT hendak menunjukkan kekuasaannya, cukuplah Allah menghantar hambanya yang dianggap lemah. Ingatlah kisah Namrud yang dikalahkan dengan seekor nyamuk. Ingatlah kisah rombongan tentera bergajah Abrahah yang dikalahkan dengan sekumpulan burung-burung kecil. Sepatutnya

Bulan bercahaya penuh berwarna putih berkilau ketika Bulan Penuh. Namun ketika gerhana berlaku, bulan bertukar warnanya menjadi merah kehitaman. Ini disebabkan Bumi berada di antara Matahari dan Bulan. Bulan akan dihalang dari mendapat sepenuhnya cahaya Matahari kerana bayang Bumi jatuh ke atas Bulan. ini bermakna Bulan hilang cahaya kerana terhalang oleh bayang! Bayang hanyalah objek yang tidak dihiraukan oleh sesiapa pun. Malah mungkin tidak pernah dihiraukan kewujudannya. Namun ketika gerhana Bulan berlaku pada malam ini, Allah SWT mengingatkan kita supaya jangan sesekali berlaku sombong dan memandang rendah kepada apa saja yang diciptakan Allah SWT. Ia mengingatkan agar sentiasa tawaduk dan tunduk pada Allah SWT, dan kerana itulah antara maqasid atau tujuan kita melakukan solat sunat gerhana sebentar tadi.

Sidang Jemaah,

Setelah kita mendengar mengenai rahsia-rahsia yang terkandung dalam peristiwa gerhana, marilah kita menginsafi diri kita dengan merenung dan bermuhasabah.

1. Apakah peranan yang telah dimainkan oleh kita sebagai makhluk ciptaan Allah SWT? Adakah kita selama ini telah melaksanakannya atau tidak? Jika Matahari, Bumi dan Bulan tunduk dan patuh pada setiap perintah Allah SWT dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan kepadanya, maka siapakah manusia yang hanya bertubuh kerdil dan kecil ini mahu engkar pada Allah SWT.
2. Jika selama ini Matahari, Bumi dan Bulan tetap berjalan dan beredar pada had yang telah ditetapkan, maka bagaimanakah kita sebagai manusia? Adakah selama ini kita tetap atau istiqamah dalam jalan yang lurus? Adakah kita sebagai manusia tunduk dan patuh pada setiap setiap suruhan dan larangan dari Allah SWT dan Rasul-Nya.
3. Setiap hari kita menyaksikan pelbagai peristiwa yang dihadapan mata kita. Ada kisah yang menyedihkan dan kisah yang

mengembirakan. Persoalannya, adakah kita sebagai makhluk yang berakal sentiasa mengambil pengajaran dalam setiap yang kita lihat? Adakah kita bersyukur atau mengucapkan istighfar hanya pada setiap perkara besar yang berlaku dalam kehidupan kita? Sedangkan setiap nikmat dan dugaan yang Allah SWT sampaikan pada kita semuanya ada perkiraan dosa dan pahala dan juga syurga atau neraka.

بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ
 وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ وَاسْتَغْفِرُ اللَّهُ
 الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ
 فَاسْتَغْفِرُوهُ فَيَا فَوْزَ الْمُسْتَغْفِرِينَ وَيَا نَجَاةَ التَّائِبِينَ

Khutbah Kedua

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي أَرْسَلَ رَسُولَهُ بِالْهُدَىٰ وَدِينِ الْحَقِّ لِيُظْهِرَهُ عَلَى الدِّينِ كُلِّهِ وَلَوْ كَرِهَ الْمُشْرِكُونَ.

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ،
 اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى حَبِيبِنَا وَشَفِيعِنَا وَذُخْرِنَا وَقُدُوتِنَا وَأُسُوتِنَا مُحَمَّدٍ
 إِمَامِ الْمُتَّقِينَ وَقَائِدِ الدُّعَاةِ الْمُجَاهِدِينَ وَعَلَى آلِهِ وَأَصْحَابِهِ وَمَنْ سَارَ عَلَى
 نَهْجِهِ وَجَاهَدَ جِهَادَهُ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.

أَمَّا بَعْدُ فَيَا عِبَادَ اللَّهِ ! اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ
 قَالَ اللَّهُ تَعَالَى :

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي
 فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

“ Tidaklah mungkin bagi matahari melintasi bulan, tidak mungkin bagi malam melintasi siang. Dan setiap sesuatu itu berada di atas orbitnya berputar.”

Surah Yassin : 40

Sidang Jemaah sekalian,

Marilah kita sama-sama meningkatkan ketakwaan kita pada Allah SWT ketika melihat gerhana yang berlaku pada malam ini. Akan datang satu masa nanti Bulan akan hilang terus cahayanya. Ketika itu Allah SWT

akan menghimpunkan Matahari dan Bulan sebagai tanda tamat tugasnya untuk menyinari manusia di Bumi. Maka ketika kita keluar untuk melihat gerhana nanti, maka janganlah melihat gerhana Bulan itu semata-mata satu fenomena alam saja. Tetapi lihatlah ia sebagai peringatan kepada hari kiamat dan kebesaran Allah SWT.

اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ أَنْ تَرْزُقَ كُلًّا مِنَّا لِسَانًا صَادِقًا ذَاكِرًا، وَقَلْبًا خَاشِعًا مُنِيبًا،
وَعَمَلًا صَالِحًا زَاكِيًّا، وَعِلْمًا نَافِعًا رَافِعًا، وَإِيمَانًا رَاسِخًا ثَابِتًا، وَيَقِينًا صَادِقًا
خَالِصًا، وَرِزْقًا حَلَالًا طَيِّبًا وَاسِعًا، يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ.
اللَّهُمَّ أَعِزِّ الْإِسْلَامَ وَالْمُسْلِمِينَ، وَوَحِّدِ اللَّهُمَّ صُفُوفَهُمْ، وَأَجْمِعْ كَلِمَتَهُمْ عَلَى
الْحَقِّ، وَاكْسِرْ شَوْكَةَ الظَّالِمِينَ، وَاكْتُبِ السَّلَامَ وَالْأَمْنَ لِعِبَادِكَ أَجْمَعِينَ
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ، وَالْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، الْأَحْيَاءِ
مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدُّعَاءِ.
اللَّهُمَّ وَفَّقْ سُلْطَانَ نَزْرِينَ مُعِزُّ الدِّينِ شَاهِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ أَزَلْنَ مُجِيبُ
الدِّينِ شَاهِ الْمَغْفُورِ لَهُ بِمَا تُحِبُّ وَتَرْضَاهُ

عِبَادَ اللَّهِ! إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ، وَإِيتَاءِ ذِي الْقُرْبَى، وَيَنْهَى
عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ. يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ. وَادْكُرُوا اللَّهَ
يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا عَلَى نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ. وَلَذِكْرُ
اللَّهِ أَكْبَرُ. وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.